



# PENGISIAN JAWATAN KOSONG

MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM



**PEMBANTU AWAM  
GRED H11**

## TARAF JAWATAN

**TETAP /  
KONTRAK**

## JUMLAH PENGISIAN

**7 Kekosongan**

## KUMPULAN PERKHIDMATAN

**Pelaksana**

## KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

**Kemahiran (H)**

## JADUAL GAJI

**Minimum RM 1,218.00 –  
Maksimum RM 2,939.00**

## Tarikh TUTUP Permohonan

**5 APRIL 2024**

## SYARAT UMUM

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan **KEUTAMAAN** diberikan kepada **rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan sahaja bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Daerah Tanjong Malim.

## SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan ;
- (c) Kelayakan:
  - (i) **Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM 1,218.00); atau

## SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam **subjek Bahasa Melayu** pada peringkat **Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## CATATAN AM

- Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- Segala perbelanjaandan tuntutan bersabit dengan permohonan inidak akan ditanggung oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.

## CARA-CARA MEMOHON

1. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di <https://digital.perak.my/>
2. Permohonan yang telah lengkap **perlu dicetak dan disahkan** beserta dengan salinan sijil dan transkrip atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi, kad pengenalan, sijil kelahiran yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
3. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21. Permohonan yang tidak menurut peraturan akan ditolak.
4. **Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:**

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tanjong Malim  
Peti Surat 59  
**35900 TANJONG MALIM**